



Kepada Semua Pegawai Pengawal,
PULAU PINANG.

**SURAT PEKELILING KEWANGAN NEGERI
BIL. 1 TAHUN 2013**

PENGURUSAN BAJET TAHUN 2013

TUJUAN

1. Surat pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan perkara-perkara penting yang perlu diberi perhatian dan diambil tindakan oleh semua Pegawai Pengawal dalam pengurusan bajet tahun 2013 di Jabatan masing-masing.

ANGGARAN PERBELANJAAN TAHUN 2013

2. Melalui Waran Am Bil. 1 Tahun 2013 bertarikh 12 Disember 2012, wang berjumlah **RM 970,561,310** yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri boleh dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk membiayai perbelanjaan Mengurus seperti berikut:

- i. Sejumlah **RM 34,415,860** di bawah **Perbelanjaan Tanggungan**; dan
- ii. Sejumlah **RM 936,145,450** untuk **Perbelanjaan Bekalan** seperti mana yang diluluskan oleh Enakmen Perbekalan 2013.

3. Bagi **Perbelanjaan Pembangunan**, pengeluaran daripada Kumpulan Wang Pembangunan sebanyak **RM 363,385,531** telah diluluskan melalui Waran Perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan Negeri Bil. 1 Tahun 2013 bertarikh 12 Disember 2012, bertujuan untuk membiayai perbelanjaan bagi Maksud dan Butiran yang dinyatakan dalam Anggaran Pembangunan Tahun 2013.

BAJET AGENDA EKONOMI SAKSAMA (AES) TAHUN 2013

4. Y.A.B. Ketua Menteri dalam membentangkan Bajet Tahun 2013 di Dewan Undangan Negeri pada 2 November 2012 telah memperkenalkan **Bajet Negeri Pulau Pinang Tahun 2013 : Agenda Ekonomi Saksama (AES)** yang memfokuskan kepada strategi untuk mengurangkan ketidaksamaan untuk menggerakkan pertumbuhan ekonomi negeri serta menjana pendapatan untuk membolehkan pengagihan ekonomi yang lebih adil dan saksama kepada rakyat. Pengagihan ekonomi yang adil diyakini dapat meningkatkan taraf dan kualiti kehidupan kepada semua lapisan masyarakat di Pulau Pinang secara total dan berkesan. Seterusnya pelaksanaan AES akan menyerlahkan kesejahteraan ekonomi, kesaksamaan sosial, pembangunan mapan dan mesra alam serta urus tadbir CAT (Cekap, Akauntabiliti, Telus) yang terus menjadi model penyampaian perkhidmatan yang mampu meningkatkan efisiensi, produktiviti dan integriti Kerajaan Negeri.

STRATEGI BAJET NEGERI TAHUN 2013

5. Strategi bajet Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2013 telah dirangka dengan komitmen utama ke arah menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri bertaraf antarabangsa yang berpendapatan tinggi (*'high income economy'*)

dengan mengambil kira faktor-faktor seperti kedudukan hasil negeri yang terhad, tanggungjawab kewangan dan keperluan pentadbiran Kerajaan Negeri seperti berikut:

- i. Memperkasakan pengurusan kewangan negeri selaras dengan prinsip tadbir urus berintegriti CAT yang menekankan kepada perbelanjaan berhemah, nilai optimal untuk wang ('*optimal value for money*') dan pengurusan nilai ('*value management*') serta mengelakkan pembaziran;
- ii. Melaksanakan Misi '3P' Kerajaan Negeri iaitu Perkasakan, Perkuasakan serta Perkayakan rakyat;
- iii. Merancang dan melaksanakan projek-projek pembangunan yang strategik dan program-program berimpak tinggi untuk kelangsungan pembangunan negeri demi kesejahteraan rakyat;
- iv. Meningkatkan hasil negeri dengan mempergiatkan pungutan hasil semasa negeri, mempelbagaikan sumber hasil di samping mengurangkan tunggakan hasil semasa dan meminimumkan jumlah hutang Kerajaan Negeri; dan
- v. Memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan dengan meningkatkan kecekapan jentera pentadbiran berteraskan impak ('*outcome based*') dan prestasi ('*performance based*').

TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENGAWAL

6. Ketua Jabatan adalah Pegawai Pengawal kepada peruntukan Mengurus dan Pembangunan jabatan masing-masing serta akaun-akaun

amanah yang dipertanggungjawabkan. Tanggungjawab Pegawai Pengawal adalah sebagaimana diperuntukkan di dalam Akta Prosedur Kewangan 1957 [*Akta 61*], Arahan Perbendaharaan dan peraturan-peraturan dan arahan-arahan kerajaan yang berkaitan.

7. **Perbelanjaan 'Value for Money'** - Pegawai Pengawal adalah dibenarkan untuk membuat perbelanjaan seperti yang diluluskan dalam anggaran perbelanjaan mengurus dan pembangunan bagi tahun 2013. Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk memastikan segala dasar perbelanjaan jabatan dilakukan secara teliti, cekap, berkesan, mempunyai '*value for money*', berjimat dan berpegang kepada amalan-amalan yang terbaik supaya pengurusan kewangan berada pada tahap yang terkawal dan telus dan tanpa menjejaskan kualiti dan penyampaian kerajaan yang efektif. Perkara ini adalah diberi peringatan secara bertulis dalam surat perlantikan Pegawai Pengawal.

8. **Pengawasan dan Peringatan** - Pegawai Pengawal hendaklah mengawasi secara rapi dan sistematik terhadap setiap perbelanjaan dan hendaklah sentiasa mengingatkan pegawai bawahannya bahawa tindakan surcaj dan tatatertib boleh diambil sekiranya didapati garis panduan dan syarat-syarat yang dinyatakan dalam peraturan-peraturan pengurusan kewangan yang sedia ada tidak dipatuhi.

PUNGUTAN HASIL

9. **Meningkatkan Hasil dan Mempelbagaikan Sumber Hasil** - Kerajaan Negeri memungut 3 jenis hasil yang terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Pada tahun lalu, jumlah kutipan hasil sebenar telah mencatat rekod dan jauh lebih tinggi daripada anggaran hasil yang dijangkakan. Namun demikian bagi tahun 2013, walaupun petunjuk

ekonomi terkini menggambarkan pertumbuhan global yang agak stabil pada masa hadapan, masih terdapat jangkaan pertumbuhan ekonomi yang tidak menentu yang didasari oleh risiko yang wujud daripada ketidakpastian dasar yang berterusan dalam beberapa petunjuk ekonomi utama. Maka usaha-usaha untuk meningkatkan kutipan hasil dan mempelbagaikan sumber hasil perlu terus diberi perhatian yang serius dan dipergiatkan.

10. **Usaha Mengutip Hasil dan Tunggakan** - Bagi tahun 2013, Kerajaan Negeri telah mensasarkan jangkaan hasil sebanyak RM 708,523,660, iaitu peningkatan sebanyak RM 322,635,330 atau 83.61% berbanding anggaran tahun 2012. Oleh itu, semua Pegawai Pengawal hendaklah terus melipatgandakan usaha mengutip hasil semasa di samping mempelbagai dan memperhebatkan langkah-langkah memungut tunggakan hasil supaya dapat digunakan bagi tujuan perbelanjaan mengurus dan pembangunan negeri.

PERUNTUKAN MENGURUS

11. **Waran Peruntukan** - Peruntukan Mengurus tahun 2013 akan dikeluarkan kepada Pegawai Pengawal pada awal Januari 2013 secara '*online*' dan Pegawai Pengawal seterusnya hendaklah mengagihkan kepada cawangan/bahagian/Pusat Tanggungjawab (PTJ) masing-masing melalui waran peruntukan kecil. Garis panduan berkaitan pengeluaran waran peruntukan kecil adalah seperti mana ketetapan dalam **Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 10 Tahun 2008 bertarikh 13 Jun 2008**.

12. **Mengawal Perbelanjaan** - Pegawai Pengawal hendaklah memastikan bahawa perbelanjaan mengurus jabatan adalah mengambil kira keperluan sebenar, keutamaan perbelanjaan dan mengelakkan pembaziran. Pegawai Pengawal perlu membuat pemantauan yang konsisten dari semasa ke semasa ke atas setiap waran peruntukan kecil yang telah dikeluarkan kepada

PTJ masing-masing bagi memastikan peruntukan yang telah diagihkan itu dibelanjakan dengan segera dan secara kos-efektif, di samping mengenal pasti lebih peruntukan yang tidak dibelanjakan serta penjimatan untuk diagihkan kepada aktiviti lain yang memerlukan.

13. **Pindah Peruntukan** - Pindah peruntukan hendaklah dielakkan dibuat pada awal tahun kerana tindakan ini menggambarkan wujudnya kelemahan perancangan dalam pengurusan kewangan sesebuah jabatan. Walau bagaimanapun sekiranya terdapat keperluan dan pindah peruntukan tidak dapat dielakkan, maka ia adalah dibenarkan. Pegawai Pengawal diberi kuasa membuat pindah peruntukan Perbelanjaan Mengurus di antara aktiviti bagi **Objek Am 20000**: Perkhidmatan dan Bekalan **sahaja**. Bagi Objek Am selainnya perlu mendapat kelulusan Pegawai Kewangan Negeri. Pegawai Pengawal juga perlu memastikan peraturan-peraturan berkaitan pindah peruntukan seperti ketetapan di **Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil.10 Tahun 2008** dipatuhi sepenuhnya.

14. **Peruntukan Emolumen** - Selaras dengan keputusan Kerajaan untuk mengekalkan dan menambah baik Sistem Saraan Malaysia (SSM) yang berkuat kuasa mulai tahun 2012, struktur gaji Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM) telah menggantikan struktur gaji Jadual Gaji Matriks (JGM). Oleh itu, Pegawai Pengawal perlu membuat perancangan yang tepat, terutamanya terhadap kadar pengiraan anjakan gaji tahunan serta keperluan emolumen-emolumen yang berkaitan dengan menyemak semula peruntukan yang disediakan dalam Objek Am 10000 dan memberi makluman awal kepada Jabatan Kewangan Negeri sekiranya peruntukan sedia ada tidak mencukupi. Berkaitannya, Pegawai Pengawal disarankan supaya membuat pengiraan yang teliti selepas pembayaran gaji bulan September 2013 (akhir suku tahun ketiga) bagi menentukan keperluan peruntukan mencukupi untuk menampung perbelanjaan suku tahun keempat 2013. Sekiranya terdapat

keperluan untuk membuat permohonan pindah peruntukan, Pegawai Pengawal perlu mengemukakan kepada Pegawai Kewangan Negeri pada atau sebelum **31 Oktober 2013**.

15. **Perolehan dan Pengurusan Aset** - Pegawai Pengawal hendaklah juga memberi perhatian kepada aktiviti perolehan dan pengurusan aset di jabatan masing-masing. Perolehan aset yang telah diluluskan dalam bajet hendaklah diuruskan selewat-lewatnya pada **30 September 2013**. Sekiranya perolehan dibuat melewati tempoh tersebut, kelulusan khas perlu diperolehi daripada Pegawai Kewangan Negeri sebelum perolehan boleh diteruskan. Cadangan pembelian aset baru sebagai gantian kepada butiran aset yang diluluskan dalam bajet atau cadangan mengguna penjimatan bagi pembelian aset baru perlu dirujuk terlebih dahulu kepada pertimbangan dan kelulusan Pegawai Kewangan Negeri. Dalam hal ini, Pegawai Pengawal perlu memberi keutamaan kepada pembelian aset yang dapat menyumbang kepada pencapaian '*Key Performance Indicator*' (KPI) Jabatan/agensi yang seterusnya dapat meningkatkan kualiti impak ('*outcome*') kepada rakyat. Cadangan untuk menggunakan penjimatan atau lebih peruntukan dan pindahan daripada Objek Am selainnya kepada Objek Am 30000 perlu mendapat pertimbangan dan kelulusan Pegawai Kewangan Negeri dan ianya perlu dikemukakan selewat-lewatnya pada **30 September 2013**.

16. **Merancang dan Mengawal Perbelanjaan** - Pegawai Pengawal diingatkan untuk merancang perbelanjaannya dan mengelak penggunaan peruntukan secara '*ad hoc*' untuk tujuan perbelanjaan yang tidak dibajetkan. Pegawai Pengawal juga hendaklah mengelak perbelanjaan secara '*bunching*' pada akhir tahun yang boleh memberi gambaran kepada perbelanjaan tanpa perancangan. Pendekatan-pendekatan untuk memperketatkan kawalan perbelanjaan Kerajaan Negeri dan peraturan serta kadar-kadar kelayakan dalam perbelanjaan hendaklah dipatuhi dan sebarang pengecualian kepada

ketetapan ini perlu mendapat kelulusan khas Pegawai Kewangan Negeri. Pegawai Pengawal juga diingatkan agar dapat membuat permohonan kelulusan khas Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu sebelum melaksanakan sesuatu program atau membuat komitmen perbelanjaan. Tindakan mengemukakan permohonan kelulusan khas Pegawai Kewangan Negeri setelah program dilaksanakan atau perbelanjaan dilakukan perlulah dielakkan. Dalam aspek ini, penekanan kepada kecekapan perancangan perlu dititiberatkan. Selain itu, amalan pembaziran, penyelewengan dan tadbir urus kewangan awam yang lemah hendaklah dihapuskan sama sekali.

PERUNTUKAN PEMBANGUNAN

17. **Merancang Pelaksanaan Projek** - Waran peruntukan Pembangunan akan dikeluarkan sepenuhnya kepada jabatan melalui SPEKS pada Januari 2013. Berkaitannya, Pegawai Pengawal dikehendaki menyedia perancangan pelaksanaan projek-projek pembangunan mengikut keutamaan dan menentukan keperluan kewangan serta diingatkan supaya tidak membuat perbelanjaan melebihi siling yang telah diluluskan. Selaras dengan peruntukan yang telah diluluskan dalam Bajet Pembangunan 2013 kepada jabatan, maka jabatan boleh mengeluarkan surat kuasa arahan pelaksanaan projek sebagai *'forward commitment'* kepada jabatan teknikal untuk memulakan pelaksanaan projek dan disusuli dengan waran peruntukan kecil apabila pembayaran perlu diuruskan. Langkah ini diambil bagi memastikan peruntukan Pembangunan yang disediakan digunakan secara optimum dan perancangan projek-projek pembangunan dilaksanakan selaras dengan peruntukan yang diluluskan. Sekiranya terdapat penjimatan dalam peruntukan Pembangunan daripada projek-projek yang telah komited/siap, tindakan segera untuk memindahkan penjimatan tersebut kepada projek lain yang lebih memerlukan hendaklah dibuat supaya prestasi perbelanjaan yang tinggi dapat

dikekalkan di samping memberikan pulangan/faedah yang lebih optimum kepada kumpulan sasar dan rakyat.

18. **Memantau Prestasi Projek** - Bagi jabatan-jabatan yang mengeluarkan waran peruntukan kecil untuk pelaksanaan projek, tanggungjawab bagi menyediakan skop kerja projek kepada jabatan teknikal yang melaksana projek terlibat dan pemantauan kepada prestasi pelaksanaan projek masih terletak kepada Pegawai Pengawal. Di samping pemantauan pelaksanaan projek pembangunan di peringkat jabatan, Mesyuarat Penyelarasan dan Pemantauan Projek-Projek Pembangunan Negeri yang diurusetikan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) hendaklah diadakan secara berkala. Permohonan Notis Perubahan bagi penukaran tajuk projek perlu diminimumkan kerana ia menggambarkan kelemahan dan ketidakcekapan dalam perancangan projek, selain terdedah kepada pelaksanaan projek yang tidak dirancang secara sistematik.

19. **Merancang Perolehan Projek** - Pegawai Pengawal hendaklah membudayakan kepantasan bertindak dalam melaksanakan projek-projek pembangunan negeri bagi memastikan projek-projek dapat memberi impak kepada pertumbuhan ekonomi negeri dan kesejahteraan rakyat. Urusan perolehan secara sebut harga dan tender untuk projek-projek pembangunan negeri hendaklah dibuat selewat-lewatnya sebelum September dalam tahun semasa bagi memastikan projek yang diuruskan secara sebut harga dapat disempurnakan dan dijelaskan pembayaran dalam tahun semasa, manakala bagi projek-projek yang diuruskan secara tender hendaklah dipastikan projek-projek terlibat menepati jadual perancangan kerja yang ditetapkan. Memandangkan peruntukan Pembangunan diluluskan pada awal tahun dan Pegawai Pengawal boleh membuat perancangan awal, maka permohonan untuk kelulusan rundingan dan perlantikan terus bagi pelaksanaan projek atas alasan kesuntukan masa tidak seharusnya berlaku dan perlu dielakkan.

20. **Komitmen Ketua Jabatan** - Seperti mana pada tahun lalu, Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah diluluskan peruntukan Pembangunan tahun 2013 yang tinggi, khususnya bagi pelaksanaan projek-projek infrastruktur yang berfokus kepada '*people centric*'. Oleh itu, adalah amat penting untuk kedua-dua jabatan ini membuat perancangan yang rapi tentang pelaksanaan projek-projek di bawah Maksud Pembangunan jabatan, di samping mengambil kira pelaksanaan projek-projek dari jabatan-jabatan Negeri selainnya. Dalam memantau pelaksanaan projek-projek pembangunan negeri bagi kedua-dua jabatan terlibat, Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Projek (JPP) yang dipengerusikan oleh Y.B. Pengerusi Jawatankuasa MMK Infrastruktur akan diteruskan. Melalui pemantauan berkala dan berjadual oleh Mesyuarat JPP akan dapat memastikan pelaksanaan projek oleh kedua-dua jabatan berjalan lancar seperti perancangan dan tidak berlakunya '*shortfall*' dalam perbelanjaan pembangunan. Justeru, kehadiran Pengarah JKR dan JPS ke Mesyuarat JPP adalah sangat-sangat dituntut.

21. **Pengambilan Balik Tanah** - Bagi Butiran Pengambilan Balik Tanah yang diluluskan, Pentadbir Tanah hendaklah segera mengemukakan permohonan kepada Unit Pembangunan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (PSUK) untuk pengeluaran waran peruntukan kecil. Pentadbir Tanah hendaklah menjelaskan dengan segera bayaran pampasan bagi mengelak pengenaan denda 8% atas kelewatan membayar pampasan yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan Negeri. Pentadbir Tanah hendaklah juga memastikan bahawa peruntukan Pengambilan Balik Tanah adalah mencukupi sebelum membuat sebarang perintah ('*award*') pampasan dan lain-lain perintah yang melibatkan kewangan.

BAYARAN

22. **Proses Pembayaran** - Pulau Pinang adalah salah satu negeri yang berjaya memproses bayaran dalam jangka masa tidak lewat dari 14 hari. Justeru itu, kawalan ke atas proses pembayaran perlu sentiasa dipantau bagi memastikan piagam pelanggan dipatuhi disamping mengelakkan salah guna kuasa yang boleh menimbulkan kepada manipulasi dan penyelewengan wang awam. Mengikut amalan terbaik pengurusan kewangan, proses pembayaran perlu melibatkan kepada penyedia, penyemak dan pelulus yang berbeza dan ketetapan ini hendaklah sentiasa dipatuhi dan dipantau oleh jabatan.

23. **Sistem Pemantauan** - Pegawai Pengawal perlu mewujudkan sistem '*check and balance*', pemantauan berterusan dan '*audit spot checks*', mengadakan penilaian berkala ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai serta memberi latihan kepada pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan bagi meningkatkan kecekapan mereka. Ini adalah bagi mengelakkan pegawai kurang mahir atau kurang pengetahuan menggunakan budi bicara apabila membuat keputusan.

24. **Akaun Kena Bayar (AKB)** - Dalam usaha untuk mengurangkan jumlah pembayaran dalam tempoh AKB, Pegawai Pengawal hendaklah menyemak dan memastikan setiap perbelanjaan pada setiap suku tahun dibayar selewat-lewatnya pada awal suku tahun berikutnya atau '*quarterly closing*'. Melalui kaedah ini, ia dapat menjamin bahawa bagi tujuan AKB hanya melibatkan bil-bil dalam suku keempat tahun semasa sahaja diuruskan.

25. **Daftar Bil** - Pegawai Pengawal juga perlu memastikan bahawa Daftar Bil sentiasa dikemas kini serta dibuat pemeriksaan dari semasa ke semasa. Selain itu, tanggungan-tanggungan seperti utiliti, sewaan dan kontrak hendaklah dipantau supaya bayaran dapat disegerakan.

PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN BERASASKAN INDEKS AKAUNTABILITI

26. **Indeks Akauntabiliti** - Jabatan Audit Negara Cawangan Negeri Pulau Pinang telah melaksanakan pengauditan pengurusan kewangan berasaskan Indeks Akauntabiliti bagi menentukan tahap prestasi pengurusan kewangan di beberapa jabatan/agensi negeri. Pencapaian pengurusan kewangan dinilai melalui sembilan (9) elemen utama, iaitu kawalan pengurusan organisasi, kawalan bajet, kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan, pengurusan akaun amanah dan kumpulanwang amanah, pengurusan aset dan inventori, pengurusan pinjaman, pengurusan pelaburan dan penyata kewangan. Sungguhpun prestasi pengurusan kewangan di peringkat Jabatan/agensi pada tahun 2011 menunjukkan peningkatan, namun bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan, Pegawai Pengawal digesa bukan sahaja untuk mengambil tindakan membetulkan kelemahan yang telah dibangkitkan oleh Audit, tetapi mengambil tindakan pencegahan (*'preventive'*) bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang.

27. **Teguran Audit** - Pegawai Pengawal juga hendaklah meneliti dan memberikan maklum balas terhadap teguran-teguran audit yang dibangkitkan dalam Laporan Tahunan Ketua Audit Negara yang akan dibentangkan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan dan Ketua Audit Negara selanjutnya. Pegawai Pengawal juga hendaklah memastikan adanya keberkesanan tindakan yang diambil ke atas teguran-teguran audit serta syor Jawatankuasa Kira-Kira Awam Negeri dalam memastikan teguran yang sama tidak berulang dan langkah-langkah pencegahan dan pelanggaran peraturan dan ketetapan kewangan tidak berbangkit lagi.

PENUTUP

28. Semua Pegawai Pengawal hendaklah mematuhi Akta Prosedur Kewangan 1957, Arahan Perbendaharaan, Pekeliling dan Surat Pekeliling Perbendaharaan serta Kewangan Negeri yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Pegawai Pengawal hendaklah menjalankan tugas seperti yang telah ditetapkan di bawah Seksyen 15(A) Akta Prosedur Kewangan 1957.

TARIKH KUATKUASA


29. Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai **1 Januari 2013**.

Sekian, terima kasih.

“CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,


[DATO' HAJI MOKHTAR BIN MOHD JAIT]
Pegawai Kewangan Negeri
Pulau Pinang.

Tarikh: 3 Januari 2013

s.k.: Y.A.B. Ketua Menteri
Pulau Pinang.

Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Pulau Pinang.